

**REKONSTRUKSI TAMADUN DAN WACANA FALSAFAH DALAM SIRI
ANIME DR. STONE: SUATU ANALISIS EPISTEMOLOGI, ETIKA, POLITIK
DAN KEMANUSIAAN DARI PERSPEKTIF FALSAFAH MODEN DAN
PEMIKIRAN ISLAM**

*(Reconstruction of Civilization and Philosophical Discourse in the Anime Series
Dr. Stone: An Analysis Of Epistemology, Ethics, Politics and Humanity
From the Perspective of Modern Philosophy and Islamic Thought)*

Muhammad Hazim Mohd Azhar* Muhammad Safwan Harun**
& Muhammad Ikhlas Rosele***

Abstrak

Analisis terhadap pelbagai wacana kontemporari boleh dilakukan melalui lensa pemikiran Islam sebagai satu usaha mengaplikasikan kerangka pemikiran Islam dalam memahami sesuatu perkara. Sebagai satu latihan intelektual ke arah pengukuhan wacana ini, analisis terhadap siri animasi boleh dimanfaatkan melalui pendekatan pemikiran Islam kerana siri anime daripada Jepun bukan sekadar naskhah ringan, namun mengandungi falsafah yang boleh ditekuni. Artikel ini mengkaji siri anime Dr. Stone melalui kerangka falsafah yang menggabungkan pemikiran Barat moden dan asas pemikiran Islam dengan fokus kepada empat dimensi: falsafah ilmu-sains, falsafah kemanusiaan dan pembangunan tamadun, falsafah nilai moral dan falsafah politik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis kandungan tematik dan analisis wacana kritikal terhadap siri anime Dr. Stone. Pertama, analisis epistemologi memperlihatkan bagaimana watak Senku menekankan kebenaran melalui eksperimen saintifik dan kemakmuran rasional, selari dengan tradisi Islam yang menghargai ilmu ('ilm) melalui akal ('aql), eksperimen induktif (tajribah) serta konsep kepastian (yaqīn) dalam epistemologi Islam. Kedua, pembinaan tamadun baru dalam Dr. Stone mencerminkan hubungan manusia-alam-teknologi dan boleh dikaitkan dengan pemikiran maqāṣid al-sharī'ah dalam Islam yang menekankan maṣlaḥah (kebaikan) dan mizan (keseimbangan). Ketiga, konflik nilai antara watak-watak menunjukkan pertentangan deontologi saintifik (kewajipan moral untuk meneroka ilmu) dengan utilitarianisme (memaksimumkan manfaat); pendekatan Islam menegaskan kewajipan menuntut ilmu dan prinsip maqāṣid seperti pemeliharaan nyawa, akal dan harta. Keempat, dalam dimensi politik, perebutan kuasa berdasarkan ideologi saintifik dan fizikal yang melibatkan watak Senku dan Tsukasa digambarkan serta perundingan sosial-politik hanya wujud apabila terdapat keseimbangan kuasa dan saling kebergantungan, selari dengan konsep shūrā dalam pemikiran Islam. Dengan menggabungkan naratif anime dengan kerangka pemikiran Islam, artikel ini menyumbang kepada wacana pemulihan tamadun melalui integrasi ilmu, etika dan struktur kuasa, serta memberikan pandangan sinergi antara falsafah moden dan nilai-nilai Islam dalam konteks pembangunan tamadun secara tidak langsung memberi contoh panduan kepada kaedah analisis siri animasi menurut kerangka pemikiran Islam.

* Muhammad Hazim Mohd Azhar (Corresponding author) (PhD). Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: hazim@um.edu.my

** Muhammad Safwan Harun (PhD). Department of Fiqh-usul and Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: safone_15@um.edu.my

*** Muhammad Ikhlas Rosele (PhD). Department of Fiqh-usul and Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: ikhlas@um.edu.my

Kata Kunci: *Pemikiran Islam, Epistemologi, Etika, Politik, Tamadun, Pemikiran, Maqāṣid al-Sharī'ah, Anime, Dr. Stone*

Abstract

Analysis of various contemporary discourses can be undertaken through the lens of Islamic thought as an effort to apply its intellectual framework in understanding modern phenomena. As an intellectual exercise to strengthen this discourse, animated series can be analysed using approaches grounded in Islamic thought, as Japanese anime is not merely light entertainment but often contains rich philosophical elements. This article examines the anime series Dr. Stone through a philosophical framework that integrates modern thought with foundational principles of Islamic philosophy, focusing on four key dimensions: the philosophy of knowledge and science, the philosophy of humanity and civilizational development, moral philosophy, and political philosophy. This study employs a qualitative design through thematic content analysis and critical discourse analysis of Dr. Stone. First, the epistemological analysis demonstrates how the protagonist Senku emphasises truth through scientific experimentation and rational empiricism, which aligns with the Islamic tradition that values knowledge ('ilm) through reason ('aql), inductive experimentation (tajrībah), and the notion of certainty (yaqīn) within Islamic epistemology. Second, the construction of a new civilization in Dr. Stone reflects the interconnectedness of human beings, nature, and technology, resonating with the Islamic framework of maqāṣid al-sharī'ah, which prioritises maṣlaḥah (benefit) and mīzān (balance). Third, the value conflicts among the characters illustrate tensions between scientific deontology (the moral obligation to pursue knowledge) and utilitarianism (maximising benefit). From an Islamic standpoint, this tension is addressed through the duty to seek knowledge and key maqāṣid principles such as the preservation of life, intellect, and property. Fourth, in the political dimension, the ideological struggle for power between Senku and Tsukasa, anchored in scientific and physical visions reveals that sociopolitical negotiation emerges only when a balance of power and mutual dependency is present, reflecting the Islamic concept of shūrā. By integrating anime narratives with the framework of Islamic thought, this article contributes to civilizational discourse by emphasising the integration of knowledge, ethics, and structures of power. It also offers insights into the synergy between modern philosophical ideas and Islamic values in the context of civilizational development, while providing a methodological example for analysing animated series within an Islamic intellectual framework.

Keywords: *Islamic thought, epistemology, ethics, politics, civilization, philosophy, Maqāṣid al-Sharī'ah, Anime, Dr. Stone*

Pendahuluan

Anime sebagai medium naratif moden telah menarik perhatian bukan sahaja peminat hiburan tetapi juga sarjana falsafah. Menurut Brett Hack, anime mampu berfungsi sebagai “imaginasi sosial” yang menyampaikan idea-idea abstrak melalui imej dan cerita, sekaligus membuka ruang untuk pemikiran falsafah dalam konteks budaya kontemporari. Seiring itu, jurnal *Cinema: Journal of Philosophy and the Moving Image* telah memberi tumpuan khusus kepada “*Anime Philosophy*” dalam isu khas mereka, menegaskan

bahawa anime bukan sekadar hiburan, tetapi pembawa konsep falsafah yang serius.¹ Tambahan pula, karya seperti *The Anime Machine* oleh Thomas Lamarre menyokong pendekatan teori media, membedah struktur imej anime dan kaitannya dengan teknologi dan subjek moden.²

Kajian falsafah mengenai anime semakin berkembang, tetapi masih relatif jarang dikaitkan dengan kerangka pemikiran Islam walaupun nilai-nilai Islam mempunyai potensi yang besar untuk menjadi teras perbincangan naratif sains, moral dan pembangunan tamadun. Dalam tradisi Islam, konsep *'ilm* (pengetahuan), *'aql* (akal), *tajribah* (pemerhatian empirik) dan *akhlaq* (prinsip etika) merupakan asas epistemologi yang sangat penting dalam kaedah penyelidikan Islam.³ Sebagai contoh, al-Fārābī menekankan kepentingan *yaqīn* (kepastian) dalam pengetahuan saintifik yang menghubungkan wahyu dan rasionaliti manusia.⁴ Prinsip keyakinan itu juga perlu selari dengan prinsip ketepatan yang ditekankan dalam epistemologi Islam.⁵ Selain itu, teori *maqāsid al-sharī'ah* (objektif syariah) memperlihatkan bagaimana pembangunan tamadun dalam Islam mesti berasaskan keseimbangan (*mīzān*), kebaikan kolektif (*maṣlaḥah*) dan tanggungjawab moral yang sangat relevan apabila menganalisis pembinaan tamadun dalam anime seperti *Dr. Stone*.⁶

Dr. Stone merupakan sebuah siri manga Jepun yang ditulis oleh Riichiro Inagaki dan diilustrasikan oleh Boichi, mula disiarkan secara bersiri dalam majalah *Weekly Shōnen Jump* pada Mac 2017. Adaptasi anime telah dihasilkan oleh studio TMS Entertainment dan musim pertama telah mula ditayangkan pada Julai 2019. Cerita ini bermula apabila pada tahun moden, seluruh umat manusia tiba-tiba “dipetrifikasi” sehingga menjadi batu oleh satu cahaya misteri. Selepas lebih 3,700 tahun, seorang remaja genius saintifik bernama Senku Ishigami terjaga dalam dunia yang telah “tiada manusia” dan dikuasai alam semula, iaitu dunia yang disebut sebagai “*Stone World*”. Berbekalkan pengetahuan sains dan rasional akal, Senku berazam untuk memulihkan semula tamadun manusia dengan memulakan dari asas: “menyahbatukan” manusia, membangunkan semula teknologi asas dan menstruktur semula masyarakat.

Siri *Dr. Stone* mempunyai premis unik: selepas bencana global yang membatu manusia secara sekelip mata, watak utama, Senku Ishigami menggunakan ilmu saintifik untuk membangkitkan tamadun semula secara pasca-apokaliptik. Premis ini berpotensi untuk dianalisis sebagai alegori falsafah sains dan pembangunan tamadun. Dalam musim

¹ Brett Hack, “Anime as Social Imagination: Media Infrastructure and Enactive Cognition in “Code Geass” and “Penguindrum”,” *Cinema: Journal of Philosophy and the Moving Image* 16, no. 1 (2024): 141-164.

² Thomas Lamarre, *The Anime Machine: A Media Theory of Animation* (Minneapolis: University of Minnesota Press, 2009).

³ Jamilu Sa'idu Sabo and Shahir Akram Hassan, “Islamic Research Methodology in Selected Islamic Faculties in Nigeria: Kaedah Penyelidikan Islam di Fakulti Islam Terpilih di Nigeria,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 26, no. 1 (2025): 152-168.

⁴ Deborah L. Black, “Knowledge (*'Ilm*) and Certitude (*Yaqīn*) In Al-Fārābī's Epistemology,” *Arabic Sciences and Philosophy* 16, no. 1 (2006): 11-45.

⁵ Maryam Habibah Kamis, Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli, “Perbandingan Konsep Ketepatan dalam Perbahasan Epistemologi Muslim Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah: Comparison of the Concept of Correspondence in the Epistemological Discourse in Liberal Muslims and Ahli Sunnah Wal Jamaah,” *Jurnal Usuluddin* 52, no. 2 (2024): 63-94.

⁶ Abdelaziz Berghout and Ouahiba Soudi, “Concept of Civilisation and Sustainable Development: A Maqasidic Orientation,” *IJUM Journal of Religion and Civilisational Studies* 2, no. 2 (2019): 88-112.

pertama, penekanan terhadap eksperimen, pemulihan teknologi asas dan konflik nilai antara watak mengundang persoalan epistemologi seperti; “*Bagaimana kita tahu kebenaran?*”; persoalan etika; “*Adakah perbuatan membangkitkan semua manusia sama ada benar?*”; dan politik “*Bagaimana struktur kuasa terbentuk dalam masyarakat baru?*”.

Melalui lensa pemikiran Islam, naratif *Dr. Stone* boleh dibaca sebagai eksperimen fiksyen dalam rekonstruksi tamadun berdasarkan ilmu dan moral. Konsep ilmu dalam Islam bukan hanya pengetahuan praktikal tetapi juga pengetahuan normatif yang diarahkan untuk kebaikan bersama. Maka, konflik antara ideologi watak Senku iaitu saintisme dan meritokrasi sains dengan watak Tsukasa iaitu kuasa fizikal dan idealisme moral bukan sahaja relevan sebagai alegori politik, tetapi juga sebagai perdebatan falsafah nilai dan tanggungjawab sosial menurut etika Islam.

Berdasarkan latar ini, artikel ini bertujuan untuk menganalisis *Dr. Stone* musim 1 melalui empat dimensi falsafah iaitu; 1) falsafah ilmu-sains; 2) kemanusiaan dan pembangunan tamadun; 3) falsafah nilai; serta 4) falsafah politik dengan orientasi pemikiran Islam. Analisis ini akan menunjukkan bagaimana *Dr. Stone* sebagai salah satu teks animasi bukan hanya hiburan, tetapi cerminan dan eksperimen falsafah kontemporari yang berpotensi menyumbang kepada wacana pemulihan tamadun Islam dalam konteks moden.

Sorotan Literatur

Dalam usaha menganalisis *Dr. Stone* melalui lensa falsafah dan pemikiran Islam, penting untuk meletakkan kajian ini dalam konteks literatur falsafah moden, falsafah anime, serta falsafah Islam, terutamanya kerangka *maqāṣid al-sharī'ah* dan epistemologi Islam. Pertama sekali, kajian mengenai falsafah anime atau “*anime philosophy*” semakin berkembang dalam literatur akademik. Ahli falsafah seperti Brett Hack menyifatkan anime sebagai “*social imagination*” yang membolehkan pemikiran bersama “*sense-making*” dan eksperimen sosial melalui naratif anime bukan sekadar hiburan, tetapi medium untuk mencerminkan dan membentuk realiti sosial.⁷ Thomas Lamarre dalam karyanya *The Anime Machine* pula memperkenalkan teori animetisme yang melihat dunia animasi sebagai ekosistem imej di mana teknologi dan subjek manusia menjadi penting.⁸

Tambahan pula, pengumpulan artikel dalam buku *Anime, Philosophy and Religion* oleh Hayashi dan Anderson sebagai editor memberi wawasan pelbagai sudut falsafah dan agama dalam anime yang menunjukkan bahawa tema seperti transhumanisme, spiritualiti dan nilai moral sering diterokai dalam siri-siri anime.⁹ Dalam satu artikel lain, Matthew John Paul membincangkan kebajikan teologi melalui anime

⁷ Brett Hack. “Anime as Social Imagination: Media Infrastructure and Enactive Cognition in “Code Geass” and “Penguindrum”.” *Cinema: Journal of Philosophy and the Moving Image* 16, no. 1 (2024): 141-164.

⁸ Thomas Lamarre, *The Anime Machine: A Media Theory of Animation* (Minneapolis: University of Minnesota Press, 2009).

⁹ Kaz Hayashi and William Anderson, *Anime, Philosophy and religion* (Delaware: Vernon Press, 2023).

Makoto Shinkai memperlihatkan bagaimana anime dapat menyampaikan nilai-nilai teologi secara naratif dan simbolik.¹⁰

Dari perspektif budaya popular, arus pemikiran *postmodernism* (pascamodenisme) juga telah menyentuh anime melalui teori “*database consumption*” oleh Hiroki Azuma¹¹ yang menunjukkan bahawa *Otaku* (peminat anime) tidak semata-mata menyerap naratif besar (*grand narratives*), tetapi memilih elemen (*database*) berdasarkan cita rasa individu, mencerminkan perubahan falsafah identiti dalam budaya kontemporari.¹² Semua ini memberikan asas teoritik dan metodologi untuk memposisikan analisis falsafah dalam anime *Dr. Stone* kerana siri ini tidak hanya menggunakan sains sebagai plot, tetapi juga menampilkan konflik ideologi, kuasa dan pembangunan tamadun yang sesuai untuk pendekatan falsafah.

Dalam konteks pemikiran Islam, *maqāṣid al-sharī‘ah* yang merujuk kepada makna matlamat-matlamat tinggi syariah merupakan kerangka penting untuk menilai pembangunan sosial dan saintifik. Kajian-kajian kontemporari menekankan bahawa kerangka *maqāṣid* bukan sahaja relevan untuk hukum fiqh, tetapi juga sebagai panduan untuk pembangunan teknologi dan tamadun moden.¹³

Secara epistemologi pula, terdapat perbincangan mengenai hubungan antara metode saintifik moden dengan *maqāṣid*. Sebagai contoh, kajian Muhammad Nazir Alias et al. dalam *Malaysian Journal of Syariah and Law* menyimpulkan bahawa metode induktif (*istiqrā’*) yang digunakan oleh ulama klasik adalah seiring dengan kaedah saintifik moden dan *maqāṣid al-sharī‘ah* memberikan kepastian epistemik yang lebih kukuh kerana ia disokong oleh banyak bukti teks syariah.¹⁴ Di samping itu, kajian ontologi dan epistemologi *maqāṣid* menyatakan bahawa *maqāṣid al-sharī‘ah* menawarkan rangka yang bersepadu yang menyambung hubungan antara Tuhan (Allah), manusia dan alam yang secara praktikalnya boleh diaplikasikan dalam pendidikan dan nilai masyarakat.¹⁵

Konsep pembinaan tamadun Islam juga diangkat dalam kajian seperti oleh Berghout dan Soudi yang membincangkan tamadun Islam dari sudut *maqāṣid* sebagai

¹⁰ Matthew John Paul Tan, “Being Someplace Else: The Theological Virtues in The Anime of Makoto Shinkai,” *Religions* 11, no. 3 (2020): 109.

¹¹ Hiroki Azuma, *Otaku: Japan’s Database Animals* (Minneapolis: University of Minnesota Press, 2009).

¹² Hiroki Azuma, “Database Animals,” in Mizuko Ito, Daisuke Okabe, Izumi Tsuji, *Fandom Unbound: Otaku Culture in a Connected World* (New Haven: Yale University, 2012); Fabian Schäfer and Martin Roth, “Otaku, Subjectivity and Databases: Hiroki Azuma’s *Otaku: Japan’s Database Animals*,” *Digital Culture & Education* 4, no. 2 (2012): 208-211; Marc Yamada, “The Database Imagination of Japanese Postmodern Culture,” *Japanese Studies* 33, no. 1 (2013): 19-37.

¹³ Mohamad Aniq Aiman Alias, Mohd Rushdan Mohd Jailani, Wan Abdul Fattah Wan Ismail and Ahmad Syukran Baharuddin, “The Integration of Five Main Goals of Shariah in The Production of Science and Technology for Human Well-Being,” *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research* 5, no. 1 (2024): 1-16.

¹⁴ Muhammad Nazir Alias, Muhammad Najib Abdullah, Mohd Sham Kamis and Akhmad Jazuli Afandi Nursyahidah, “Scientific Approach as the Basis for the Formation of Maqasid al-Shari‘ah Concept and Principles: A Comparative Study,” *Malaysian Journal of Syariah and Law* 12(2): 350-363.

¹⁵ Aly Abdel Moniem. “The Ontology and Epistemology of Maqāṣidi-based Knowledge and Its Educational Implications: A Methodological Perspective.” *Journal of Contemporary Maqasid Studies* 1, no. 1 (2022): 59-78.

sistem nilai yang menyeluruh merangkumi aspek moral, material dan rohani serta menekankan “*civilisational sustainable development*” berdasarkan *mizan* (keseimbangan), nilai dan *maqāṣid*.¹⁶ Tambahan pula, ulama moden seperti Jamaluddin Athiyah menegaskan bahawa *maqāṣid* boleh dijadikan dasar pembangunan sosial dan struktur kuasa dalam masyarakat Islam.¹⁷ Dari segi pembangunan insan, kajian mengenai *maqāṣid al-Qurān* oleh Muhammad Faiz menunjukkan bahawa objektif Quran menawarkan kerangka yang seimbang dan sangat berperikemanusiaan yang secara tidak langsung mengingatkan manusia bahawa kemajuan sebenar dicapai melalui pemupukan insan dan masyarakat secara menyeluruh yang berteraskan petunjuk Ilahi dan tanggungjawab moral.¹⁸ Secara ringkas, literatur pemikiran Islam ini menyediakan landasan teoretik yang kukuh untuk menganalisis aspek ilmu-sains, nilai dan kemanusiaan dalam *Dr. Stone* melalui kerangka pemikiran Islam dan *maqāṣid* secara khusus.

Pemikiran Islam melalui *maqāṣid al-sharī‘ah* menunjukkan potensi besar sebagai kerangka etika dan epistemik untuk menilai inovasi sains dan tamadun moden. Potensi sinergi antara falsafah anime dan falsafah Islam sangat relevan. Melalui anime *Dr. Stone* dengan premis “rekonstruksi tamadun melalui sains” memberikan medan unik untuk analisis ini. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi kekosongan dengan menggabungkan pendekatan falsafah moden (analisis naratif anime) dan pemikiran Islam seperti nilai *maqāṣid* dan epistemologi untuk meneliti bagaimana *Dr. Stone* mencerminkan dan menguji nilai-nilai sains, tamadun, moral dan kuasa dalam kerangka Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif berbentuk analisis teks dan analisis falsafah untuk menyelidik siri anime *Dr. Stone* melalui empat dimensi falsafah: ilmu-sains, kemanusiaan dan tamadun, nilai moral serta falsafah politik. Fokus kajian terletak pada pemahaman dan pentafsiran konsep falsafah yang terkandung dalam naratif, bukannya pengukuran kuantitatif fenomena. Pendekatan kajian ini terdiri daripada dua komponen utama:

1. Analisis Kandungan Tematik (*Thematic Content Analysis*) digunakan untuk mengenal pasti corak naratif seperti dialog, tindakan watak dan konflik yang berulang serta tema-tema falsafah. Kaedah ini merujuk kepada teknik analisis kandungan kualitatif seperti yang diterangkan oleh Braun dan Clarke, yang menyediakan kerangka langkah demi langkah dari “membiasakan diri” dengan data, pengekodan, mencari tema, menyemak semula tema, mentakrif tema, hingga pelaporan.¹⁹ Kaedah tematik ini sesuai untuk mendedahkan makna laten dalam

¹⁶ Abdelaziz Berghout and Ouahiba Soudi, “Concept of Civilisation and Sustainable Development: A Maqasidic Orientation,” *IJUM Journal of Religion and Civilisational Studies* 2, no. 2 (2019): 88-112.

¹⁷ Mujaddid Abdullah. “Maqasid Sharia and Social Development: an Inquiry into Jamaluddin Athiyah’s Renewal Paradigm.” *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies* 12, no. 2 (2025): 67-78.

¹⁸ Muhammad Faiz, “Maqāṣid al-Qur’ān and Human Development: Reflections on Qur’ānic Objectives and Prophetic Practices.” *MAQOLAT: Journal of Islamic Studies* 3, no. 4 (2025): 446-464.

¹⁹ Virginia Braun and Victoria Clarke. “Using Thematic Analysis in Psychology.” *Qualitative Research in Psychology* 3, no. 2 (2006): 77-101.

teks anime. Kajian-kajian tempatan turut menggunakan pendekatan ini untuk menganalisis data kualitatif dalam kajian pendidikan atau sosial.

2. Analisis Wacana Kritikal (*Critical Discourse Analysis*) yang digunakan untuk meneliti bagaimana konsep falsafah (misalnya, “ilmu”, “kuasa”, “tamadun”) dikonstruksikan dan dibincangkan melalui dialog dan naratif anime. Analisis wacana kritikal membolehkan peneliti menilai kandungan konseptual di sebalik teks dan membandingkannya dengan kerangka falsafah Islam dengan kritikal.²⁰ Pendekatan wacana ini lebih sesuai daripada hermeneutik kerana ia menumpukan kepada analisis idea dan struktur konseptual, bukan hanya interpretasi makna tekstual subjektif.

Dapatan

Sebagaimana objektif yang telah ditetapkan, dapatan artikel ini dipersembahkan melalui analisis anime *Dr. Stone* musim 1 dilihat daripada empat dimensi falsafah iaitu; 1) falsafah ilmu-sains; 2) kemanusiaan dan pembangunan tamadun; 3) falsafah nilai; serta 4) falsafah politik dengan orientasi pemikiran Islam. Analisis keempat-empat aspek ini dilihat melalui lensa pemikiran Islam.

1. Falsafah Ilmu-Sains

Dalam konteks *Dr. Stone*, falsafah ilmu atau sains (*philosophy of science*) merupakan dimensi sangat teras kerana watak utama, Senku Ishigami menggunakan logik, eksperimen dan metode saintifik untuk memulihkan tamadun manusia. Analisis falsafah ilmu di sini akan menggabungkan dua aspek: (i) kebenaran melalui eksperimen dan kemakmuran rasional, dan (ii) sains sebagai alat pembinaan atau dominasi, dilihat melalui lensa pemikiran Islam.

Dalam *Dr. Stone*, Senku mengutamakan eksperimen berulang, pengukuran dan uji ralat (*trial-and-error*) sebagai jalan menuju pengetahuan dan keyakinan. Misalnya dalam mencipta bahan kimia, menghasilkan asid dan membangunkan bahan teknologi ofensif. Pendekatan ini mencerminkan epistemologi saintifik moden yang sangat berasaskan empirisisme dan rasionalisme saintifik. Dari perspektif pemikiran Islam, proses menuntut ilmu melalui akal (*‘aql*) selari dengan tradisi ulama Islam klasik yang menggabungkan ilmu naqli (wahyu) dan ilmu aqli (akal). Kajian oleh Mohd Radhi Ibrahim menjelaskan bahawa “sains Islam” dalam kerangka epistemologi Islam menekankan integrasi antara *naqli* dan *aqli*, di mana pengetahuan wahyu dan pengetahuan rasional saling melengkapi untuk membina kerangka ilmu holistik.²¹

²⁰ Lanchukorn Sriwimon and Pattamawan Jimarkon Zilli. “Applying Critical Discourse Analysis as a Conceptual Framework for Investigating Gender Stereotypes in Political Media Discourse.” *Kasetsart Journal of Social Sciences* 38, no. 2 (2017): 136-142.

²¹ Mohd Radhi Ibrahim. “Memahami Sains Islam Melalui Pembentukan Kerangka Ilmu dalam Epistemologi Islam: Understanding Islamic Science through the Framework of Knowledge in Islamic Epistemology.” *‘Abqari Journal* 20, no. 2 (2019): 99-115.

Selain itu, Islam sangat menekankan kepentingan kepastian pengetahuan (*yaqīn*). Menurut al-Fārābī, “kepastian” ini hanya dapat dicapai apabila hujah adalah demonstratif (penerangan universal) dan tidak berubah manakala logik (*manṭiq*) adalah alat (*ālāh*) penting untuk mencapai kepastian tersebut.²² Deborah L. Black dalam kajiannya mengenai epistemologi al-Fārābī menunjukkan bahawa al-Fārābī membahagikan pengetahuan kepada darjah yang lebih tinggi dan hanya pengetahuan yang subjektif dan kekal seperti nombor matematik yang dianggap sebagai “kepastian saintifik” (*yaqīn*) yang sebenar.²³ Dalam *Dr. Stone*, tindakan Senku yang mengulangi eksperimen hingga berjaya boleh dianggap sebagai manifestasi ideal epistemologi ini yang bukan sekadar membuat ramalan, tetapi mencari kepastian melalui proses empirikal berstruktur. Dari sudut Islam, ini adalah manifestasi tanggungjawab moral intelektual iaitu menuntut ilmu bukan sahaja demi pengetahuan itu sendiri, tetapi demi kebaikan dan pembangunan tamadun.

Walaupun sains digunakan sebagai alat membangunkan semula tamadun melalui penciptaan teknologi asas, ia juga mempunyai potensi sebagai instrumen kuasa dan dominasi. Dalam *Dr. Stone*, teknologi yang dibangunkan oleh Senku bukan sahaja memberi manfaat tetapi juga menghadirkan risiko kuasa: siapa yang menguasai ilmu, menguasai tamadun. Ini mencerminkan dilema falsafah sains: adakah ilmu itu bersifat neutral, atau ia membawa nilai intrinsik yang mempengaruhi struktur sosial dan kuasa?

Dari perspektif Islam, kerangka etika sains sangat penting. Osman Bakar menjelaskan bahawa dalam tamadun Islam tradisional, sains dan teknologi dianggap sebagai *farḍu kifāyah* (kewajipan kolektif) kerana manfaatnya kepada masyarakat. Beliau juga menunjukkan bahawa dalam pemikiran Islam, tidak berlaku pemisahan mutlak antara keagamaan dan ilmu saintifik.²⁴

Selain itu, dalam kerangka *maqāṣid al-sharī‘ah*, ilmu saintifik dinilai berdasarkan manfaat dan mudarat yang dibawanya. Menurut Hashim Kamali dalam buku *Goals and Purposes of Shariah: Maqasid in Theory and Practice*, dibincangkan bahawa sains yang membawa kebaikan (manfaat kepada manusia) dianggap sah dalam Islam, tetapi sains yang membawa mudarat tidak diterima.²⁵ Etika saintifik daripada sudut Islam juga menekankan niat (*niyyah*), amanah dan masalah. Muhammad Waqas menegaskan bahawa dalam perspektif Islam, pengetahuan saintifik adalah satu amanah. Penyelidik perlu memperhatikan niat mereka dan menilai impak kajian saintifik dari segi masalah dan bukan hanya dari sudut saintifik semata.²⁶

Menggunakan lensa pemikiran Islam, tindakan Senku menuntut ilmu melalui eksperimen saintifik bukan hanya dicanai sebagai pencapaian teknologi tetapi juga

²² López-Farjeat, Luis Xavier. “Al-Farabi’s Psychology and Epistemology”, *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Summer 2024 Edition), Edward N. Zalta & Uri Nodelman (eds.), <https://plato.stanford.edu/Entries/al-farabi-psych/>.

²³ Deborah L. Black. “Knowledge (‘Ilm) and Certitude (Yaqīn) In Al-Fārābī’s Epistemology.” *Arabic Sciences and Philosophy* 16, no. 1 (2006): 11-45.

²⁴ Osman Bakar, *Islamic Civilisation and The Modern World Thematic Essays* (Brunei: Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2014).

²⁵ Mohammad Hashim Kamali, *Goals and Purposes of Shariah: Maqasid in Theory and Practice* (Oxford University Press, 2025).

²⁶ Muhammad Waqas, “Exploring The Ethical Framework of Science: A Critical Study from The Islamic Perspective,” *Pakistan Journal of Islamic Philosophy* 7, no. 1 (2025): 18-31.

sebagai manifestasi tanggungjawab moral iaitu amanah. Dalam dunia pasca-pembinaan, ilmu menjadi satu bentuk kuasa yang membina, tetapi juga satu ujian etika: adakah semua orang patut mendapat manfaat? Apakah risiko kuasa saintifik apabila ia tidak disertakan dengan nilai moral? Naratif ini selari dengan kerangka pemikiran Islam bahawa ilmu harus diarahkan kepada tujuan yang lebih tinggi yang bukan semata-mata untuk kemajuan teknikal tetapi juga untuk maslahat ummah dan pengukuhan keseimbangan sosial.

2. Kemanusiaan dan Pembangunan Tamadun

Dalam *Dr. Stone*, pembangunan tamadun baharu selepas bencana global menunjukkan gambaran kemanusiaan yang dibangkitkan semula melalui ilmu saintifik. Analisis falsafah tamadun ini boleh diteliti dari segi (i) rekonstruksi tamadun dari titik sifar, (ii) kritikan terhadap teori revolusi tamadun, dan (iii) hubungan manusia-alam-teknologi, dengan dilihat dari sisi pandang pemikiran Islam. Salah satu tema pusat dalam *Dr. Stone* ialah usaha Senku untuk membina semula tamadun manusia yang hampir musnah. Dalam beberapa episod awal, beliau menggunakan pengetahuan saintifik asas untuk menghidupkan semula teknologi lama seperti api, sabun dan alat logam kecil. Proses ini menyerupai “fasa permulaan” tamadun dalam skala kecil di mana manusia perlu mulakan semula pembangunan langkah demi langkah.

Dilihat melalui kerangka pemikiran Islam, gagasan rekonstruksi tamadun ini selari dengan ideal *maqāṣid al-sharī‘ah* sebagai asas pembangunan yang holistik. Menurut Athiyah dalam paradigma pembaharuan *maqāṣid*, *maqāṣid al-sharī‘ah* bukan sekadar kerangka undang-undang tetapi alat pembaharuan tamadun (*tajdīd hadārī*). Ia menghubungkan nilai moral dengan kemajuan sosial dan saintifik.²⁷ Lebih-lebih lagi, dalam kajian oleh Alias, et al. dibincangkan bagaimana lima matlamat utama *maqāṣid* (*hifz al-dīn, naḥs, ‘aql, nafs, dan māl*) boleh diintegrasikan dalam pembangunan sains dan teknologi untuk kesejahteraan manusia.²⁸

Walaupun *Dr. Stone* menggambarkan “revolusi saintifik” dalam bentuk dramatik (iaitu sains kembali membina tamadun), terdapat juga satu kritikan tersirat terhadap idea bahawa tamadun boleh dihasilkan semata-mata melalui ledakan revolusi teknologi. Teori tamadun klasik seperti yang dibincangkan oleh Ibn Khaldūn menunjukkan bahawa tamadun tidak berkembang hanya melalui lonjakan besar teknologi, tetapi melalui dinamika sosial yang lebih mendalam. Konsep *‘asabiyyah* iaitu solidariti sosial atau kekitaan yang diutarakan oleh Ibn Khaldūn menegaskan bahawa kekuatan sosial dan kohesi (*‘asabiyyah*) memainkan peranan penting dalam kebangkitan dan kejatuhan tamadun.²⁹

²⁷ Mujaddid Abdullah. “Maqasid Sharia and Social Development: an Inquiry into Jamaluddin Athiyah’s Renewal Paradigm.” *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies* 12, no. 2 (2025): 67-78.

²⁸ Mohamad Aniq Aiman Alias, Mohd Rushdan Mohd Jailani, Wan Abdul Fattah Wan Ismail and Ahmad Syukran Baharuddin, “The Integration of Five Main Goals of Shariah in The Production of Science and Technology for Human Well-Being,” *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research* 5, no. 1 (2024): 1-16.

²⁹ Hafizuddin Sham Shul Bahri dan Razali Musa, “The Concept of Asabiyyah According to Ibn Khaldun: Konsep Asabiyyah menurut Ibnu Khaldun,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23, no. 1 (2022): 145-156; Muji Mulia, “Teori ‘Asabiyyah Ibn Khaldun dalam Perspektif Hukum Islam: Theory

Dalam *Muqaddimah*, Ibn Khaldūn juga menyarankan bahawa setiap tamadun melalui kitaran: kelahiran, kematangan dan kemerosotan apabila semangat ‘*asabiyyah* merosot.³⁰ Naratif *Dr. Stone* boleh ditafsir sebagai suatu eksperimen fiksyen terhadap model kitaran ini apabila manusia “dibeku” (pembekuan tamadun) dan kemudian bangkit semula, adakah kitaran semula akan bermula dari satu semangat baru iaitu semangat ‘*asabiyyah* berdasarkan ilmu)?

Di samping itu, teori revolusi bersifat linear iaitu kemajuan berterusan melalui lompatan dikritik dalam falsafah tamadun moden kerana ia mengabaikan kitaran sosial dan struktur kuasa. Dalam konteks Islam, metodologi *maqāṣid* berfungsi sebagai pemantau nilai yang bukan sahaja kemajuan material tetapi juga nilai moral dan sosial. Hashim Kamali menyebut bahawa *maqāṣid al-sharī‘ah* dan ijtihad boleh menjadi instrumen penting untuk pembaharuan tamadun (*civilisational renewal*) yang beretika.³¹

Dalam anime *Dr. Stone*, pembangunan semula tamadun seringkali melibatkan interaksi intensif antara manusia dan alam. Senku dan rakan-rakannya mengambil sumber alam seperti batu, mineral dan tumbuhan untuk menghasilkan bahan saintifik dan teknologi. Ini bukan hanya simbol kemajuan teknologi, tetapi juga gambaran hubungan manusia dengan alam yang merupakan satu tema penting dalam falsafah pembangunan tamadun. Dari sudut pemikiran Islam, hubungan ini boleh dibaca melalui konsep *mīzān* (keseimbangan) yang menekankan keharmonian antara manusia dan alam. Walaupun tidak semua ulama sejarah menyebut “*mīzān* tamadun” secara eksplisit dalam konteks moden, konsep *mīzān* sebagai prinsip keseimbangan alam dan sosial adalah teras kepada banyak pembahasan *maqāṣid* dan etika Islam. Misalnya, kesejahteraan masyarakat (*wellbeing*) dalam *maqāṣid* tidak hanya diukur dari segi material tetapi juga dari segi keseimbangan sosial dan persekitaran.³²

Tambahan pula, integrasi sains dan teknologi dalam *Dr. Stone* boleh dilihat sebagai manifestasi nilai *maqāṣid* apabila sains digunakan bukan semata-mata untuk kuasa atau penguasaan, tetapi untuk melindungi kehidupan (*ḥifz al-nafs*), akal (*ḥifz ‘aql*) dan kesejahteraan masyarakat (*maṣlaḥah*). Kajian terkini juga menunjukkan bahawa *maqāṣid al-sharī‘ah* dapat diguna sebagai panduan dalam inovasi saintifik moden agar pembangunan teknologi tidak bertentangan dengan kebaikan masyarakat.

3. Falsafah Nilai

Dalam analisis *Dr. Stone*, dimensi nilai (*ethics / axiology*) memainkan peranan penting. Konflik moral antara watak-watak, kewajipan saintifik dan pertimbangan utilitarian. Dengan menambah lensa pemikiran Islam melalui prinsip *maqāṣid al-sharī‘ah*, *niyyah*,

of *Asabiyyah* Ibn Khaldun in Islamic Law Perspective),” *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam* 3, no. 2 (2019): 400-416.

³⁰ Abd Aziz A’zmi dan Farrah Wahida Mustafar, “Keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka Menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun,” *Jurnal Tuah* 1, no. 1 (2020): 1-23.

³¹ Mohammad Hashim Kamali, “Maqasid al-Shari‘ah and Ijtihad as Instruments of Civilisational Renewal: A Methodological Perspective,” *ICR Journal* 2, no. 2 (2011): 245-271.

³² Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohamed Azmil Mohd Yusof and Siti Mariam Ali. “Wellbeing of The Society: A Maqasid al-Shari‘ah Approach.” *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* (special issue) (2020): 25-46.

amanah dapat membantu untuk proses analisis lebih mendalam “nilai saintifik” yang disampaikan dalam anime. Salah satu konflik nilai paling ketara dalam *Dr. Stone* ialah antara Senku dan Tsukasa. Senku memegang prinsip bahawa semua manusia “bernilai” dan wajar diselamatkan melalui sains, manakala Tsukasa percaya bahawa hanya mereka yang kuat, muda dan “bersih” daripada korupsi dunia lama patut dibangkitkan semula. Konflik ini mencerminkan pertentangan nilai iaitu nilai universal kemanusiaan vs nilai selektif “keaslian generasi”.

Dari perspektif Islam, konflik ini boleh dibaca melalui kerangka *maqāṣid al-sharī‘ah* dan prinsip moral. Islam menegaskan bahawa setiap manusia memiliki martabat kerana diciptakan oleh Allah dan mempunyai potensi untuk berkembang dalam ilmu dan akhlak. Kerangka *maqāṣid* menuntut perlindungan terhadap nyawa (*ḥifz al-naḥs*) dan akal (*ḥifz ‘aql*) yang memberi justifikasi moral kepada usaha Senku menegakkan kehidupan dan pengetahuan untuk semua.

Senku kelihatan dipandu oleh satu kewajipan moral saintifik, bukan hanya untuk “mengetahui” sahaja, tetapi untuk “mengembalikan kehidupan” melalui ilmu. Ini boleh dianalisis sebagai bentuk etika deontologikal di mana tindakan menuntut ilmu dan membangunkan teknologi bukan sekadar pilihan, tetapi kewajipan yang bermoral. Dalam pemikiran Islam, kewajipan menuntut ilmu adalah jelas. Nabi Muhammad SAW bersabda bahawa menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap Muslim (Sunan Ibn Majah, no. hadis 224) Tambahan pula, konsep *niyyah* (niat) dan *amanah* (kepercayaan) menjadikan usaha saintifik bukan sekadar aktiviti rasional, tetapi satu amanah moral di hadapan Tuhan untuk menggunakan pengetahuan demi kebaikan ummah. Muhammad Waqas menegaskan bahawa niat dan amanah adalah teras etika saintifik Islam. Saintis Muslim bukan sekadar penuntut fakta tetapi penjaga maslahat dan tidak boleh mengabaikan impak sosial dan moral penemuan mereka.³³

Sebaliknya, terdapat elemen utilitarianisme dalam pandangan Senku. Pada satu segi, usahanya sering difokuskan untuk memaksimumkan manfaat untuk survival manusia, teknologi dan komuniti dengan menggunakan ilmu untuk memulihkan peradaban. Begitu juga, Tsukasa menyokong tindakan radikal demi mencipta dunia “baru” dengan manusia “bersih”, walaupun itu bermaksud mengorbankan sebahagian manusia lain. Dari sudut *maqāṣid al-sharī‘ah*, penilaian manfaat tidak boleh dilepaskan dari konsep *maṣlaḥah* (kebaikan umum) dan *maḥsadah* (kemudaratan). Hashim Kamali menyatakan bahawa sains yang membawa manfaat dan tidak menyebabkan kemudaratan adalah diterima menurut *maqāṣid*. Ini dengan maksud, nilai saintifik disahkan bukan hanya melalui keberkesanan teknikal, tetapi melalui kesesuaiannya dengan objektif syariah.³⁴ Selaras dengan ini, kajian Alias et al. menunjukkan bahawa integrasi lima *maqāṣid* utama (*ḥifz ad-dīn*, *ḥifz an-naḥs*, *ḥifz al-‘aql*, *ḥifz an-nasl*, *ḥifz al-māl*) dalam penghasilan sains dan teknologi memberi tumpuan kepada kesejahteraan manusia secara holistik dan bukan sekadar pembangunan material tetapi juga moral dan sosial.³⁵

³³ Muhammad Waqas, “Exploring The Ethical Framework of Science: A Critical Study from The Islamic Perspective,” *Pakistan Journal of Islamic Philosophy* 7, no. 1 (2025): 18-31.

³⁴ Mohammad Hashim Kamali. *Goals and Purposes of Shariah: Maqasid in Theory and Practice*. Oxford University Press, 2025.

³⁵ Mohamad Aniq Aiman Alias, Mohd Rushdan Mohd Jailani, Wan Abdul Fattah Wan Ismail and Ahmad Syukran Baharuddin, “The Integration of Five Main Goals of Shariah in The Production of Science and

Selain pertentangan nilai individu, *Dr. Stone* juga memaparkan nilai kerja sama, solidariti dan kepercayaan di antara watak-watak seperti Taiju, Yuzuriha dan Kohaku. Nilai-nilai ini bukan hanya moral “pasif”; mereka adalah asas etika komuniti yang membolehkan tamadun saintifik baru terbentuk. Dalam pemikiran Islam, prinsip solidariti dan tanggungjawab sosial sangat penting. Konsep *maslahah* dan *waṣatiyyah* (kesederhanaan) dalam *maqāṣid* menyokong idea bahawa manfaat saintifik mesti dilayari secara adil dan inklusif untuk seluruh komuniti, bukan dikuasai segelintir yang berkuasa.³⁶ Selain itu, epistemologi *maqāṣid* berfokus pada pengetahuan yang membina dan menjalin hubungan antara manusia, bukan hanya pencapaian individu tetapi transformasi sosial. Moniem menjelaskan bahawa epistemologi berasaskan *maqāṣid* melihat pengetahuan sebagai jalinan ontologi moral di mana hubungan sosial, spiritual dan intelektual saling berkait.³⁷

4. Falsafah Politik

Dalam naratif *Dr. Stone*, konflik kuasa dan struktur politik muncul secara jelas apabila watak-watak membina masyarakat baharu. Analisis politik falsafah ini dapat dibahagikan kepada (i) perebutan kuasa ideologi, (ii) perundingan sosial / keseimbangan kuasa, dan (iii) legitimasi, autoriti dan struktur kuasa, disertai dengan perspektif pemikiran Islam yang bersandar kepada *maqāṣid al-sharī‘ah*, *shūrā* dan konsep legitimasi kuasa dalam Islam.

Dalam *Dr. Stone*, wujud pertarungan antara dua model kepimpinan iaitu Senku yang mewakili meritokrasi sains serta rasionalisme saintifik dan Tsukasa yang mengusulkan kuasa fizikal dan idealisme moral sebagai asas tamadun baru. Pertembungan ini bukan sekadar konflik naratif, tetapi mencerminkan wacana falsafah penting: siapa yang berhak menentukan arah tamadun sama ada orang bijak melalui ilmu atau orang kuat melalui kekuatan tubuh. Dari sudut pemikiran Islam, kuasa politik tidak boleh dilepaskan daripada objektif syariah (*maqāṣid*). Antara prinsip teras dalam sistem politik Islam adalah *Tawhīd* (Islamic Monotheism), *Sharī‘ah* (Way of life), *‘Adalah* (Justice), *Ḥurriyah* (Freedom), *Musāwah* (Equality), *Shūrā* (Consultation), *al-Waṣatiyyah* (Moderation), *Ummah* (Commonwealth), *Muḥāsabah* (Accountability) dan *Mu‘āmalāt* (Civil Conduct).³⁸ Maka, dalam konteks *Dr. Stone*, walaupun kedua-dua

Technology for Human Well-Being,” *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research* 5, no. 1 (2024): 1-16.

³⁶ Shaikh Mohd Saifuddeen, Chang Lee Wei, Abdul Halim Ibrahim and Nor Aina Mhd Khotib. “Islamic Ethical Framework to Tackle Scientific and Technological Dilemmas.” *Journal of Dharma* 38, no. 4 (2013): 373-386; Mohamad Aniq Aiman Alias, Mohd Rushdan Mohd Jailani, Wan Abdul Fattah Wan Ismail and Ahmad Syukran Baharuddin, “The Integration of Five Main Goals of Shariah in The Production of Science and Technology for Human Well-Being,” *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research* 5, no. 1 (2024): 1-16.

³⁷ Aly Abdel Moniem. “The Ontology and Epistemology of Maqāṣidī-based Knowledge and Its Educational Implications: A Methodological Perspective.” *Journal of Contemporary Maqasid Studies* 1, no. 1 (2022): 59-78.

³⁸ M. Abdul Aziz. “The Principles of Islamic Polity in the Qur’an and Sunnah: Revisiting Modern Political Discourse.” *Al-Burhān: Journal of Qur’ān and Sunnah Studies* 7, no. 1 (2023): 5-28; Muaz Muhammad Arif, Hossam El-Din Ibrahim Mohamed dan Mohammad Naqib Hamdan. “Prinsip Maqasid Syariah Dalam

model sudah pastinya tiada aspek *Tawhīd* dan *Sharī'ah*, namun model Senku lebih dekat dengan visi politik Islam yang menekankan penggunaan ilmu (*'aql*) dan keadilan serta beberapa prinsip lain dalam menentukan kuasa, berbanding pemerintahan autoritarian berasaskan kekuatan fizikal semata.

Naratif politik dalam *Dr. Stone* juga menunjukkan bahawa perundingan dan kompromi berlaku apabila wujud keseimbangan kuasa antara pihak-pihak yang bersaing. Senku dan pihak lain tidak serta-merta menindas Tsukasa atau pihak yang berbeza pendapat; sebaliknya, terdapat saat-saat strategik di mana perbincangan atau rundingan menjadi pilihan demi kelangsungan bersama dan pertumbuhan tamadun saintifik. Dalam tradisi politik Islam, konsep *shūrā* (musyawarah) adalah sangat penting dan dianggap sebagai mekanisme legitimasi dan perundingan. Prinsip *syūra* ini membolehkan pemimpin dan rakyat berbincang dan membuat keputusan bersama dengan mengambil kira kebaikan umum (*maṣlahah*) sesuai dengan idea *maqāṣid al-sharī'ah*.³⁹ Dalam konteks *Dr. Stone*, naratif ini dapat diinterpretasi sebagai gambaran eksperimen politik iaitu pemimpin saintifik (Senku) mendekati antagonis (Tsukasa) bukan hanya melalui konflik tetapi juga melalui dialog strategik apabila kepentingan bersama iaitu survival manusia dan pemulihan teknologi memerlukan kerjasama.

Dalam *Dr. Stone*, teknologi bukan hanya alat praktikal tetapi juga instrumen kuasa politik dengan maksud siapa menguasai sains akan dapat menguasai tamadun. Analisis ini mencerminkan persoalan falsafah politik moden: teknologi + pengetahuan sentiasa berkait rapat dengan struktur kuasa dan bukan hanya sebagai sarana neutral. Dari sudut Islam, kuasa sains (atau ilmu) mesti diimbangi dengan prinsip moral dan *maqāṣid*. Menurut Mansor, peranan pemerintah Islam bukan sekadar sebagai penguat kuasa moral, tetapi juga sebagai pemudah cara dalam memastikan nilai-nilai moral Islam disebarkan melalui institusi negara moden.⁴⁰ Dalam konteks *Dr. Stone*, ini boleh diinterpretasikan bahawa Senku dalam peranan pemimpin saintifik perlu mengurus bukan hanya pembangunan teknologi, tetapi juga implikasi sosial dan moral iaitu menjadikan kuasa ilmu sebagai amanah dan bukannya hanya alat.

Salah satu isu falsafah politik lain yang muncul ialah: di manakah legitimasi kuasa dalam masyarakat pasca-apokaliptik yang dibangunkan semula? Siapa dianggap berhak memimpin dan mengatur struktur sosial? Apakah dasar kuasa mereka? Adakah kuasa saintifik (Senku) cukup untuk menjadi asas kekuasaan? Atau adakah kuasa moral dan fizikal (Tsukasa) juga mempunyai hak? Dalam turath pemikiran Islam, teori pemerintahan politik dan autoriti kuasa sering dibincangkan oleh ulama seperti al-Mawārdī dalam *al-Ahkam al-Sultāniyyah*. Buku ini menerangkan jenis kuasa politik, tanggungjawab pemimpin dan struktur pemerintahan Islam. Al-Mawardi menekankan bahawa pemerintahan Islam perlu menjalankan fungsi bukan hanya dari segi politik

Politik Islam.” *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-8 (PASAK8 2023)* (2023) 10 -11 Mei 2023 (e-ISSN: 2811-4051): 306-321.

³⁹ Ahmad al-Raysuni, *al-Shura: The Qur'anic Principle of Consultation* (London: The International Institute of Islamic Thought, 2011); Mohammed Ahmed Mohammed Jumah, “Principle of Shura in Islamic Political Jurisprudence.” *Journal of the Academic Forum* 8, no.2 (2024): 1099-1139.

⁴⁰ Muhamad Sayuti Mansor, “Peranan Pemerintah Islam dalam Sistem Negara Moden untuk Menerapkan Nilai Moral Islam: Daripada Penguat Kuasa ke Pemudah Cara: The Role of Islamic Government in the Modern State System to Implement Islamic Moral Values: From Enforcer to Facilitator,” *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 17, no. 1 (2024): 115-147.

semata, tetapi juga etika dan syariah. Pemimpin harus mengangkat kepentingan umum, menegakkan keadilan dan bertanggungjawab di bawah prinsip syariah.⁴¹ Pernyataan ini juga disebut oleh Raja Ali Haji dalam karyanya bertajuk *Tuhfat al-Nafis*.⁴²

Selain itu, dalam perspektif *maqāṣid al-sharī'ah*, legitimasi politik mesti dikaitkan dengan objektif syariah. Kuasa politik mestilah digunakan untuk mencapai matlamat syariah iaitu menjaga agama (*hifz al-dīn*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-māl*). Apabila dikaitkan dengan struktur kuasa dalam masyarakat “*Kingdom of Science*” (Senku) boleh dianalisis sebagai satu pemerintahan yang berpotensi selari dengan beberapa *maqāṣid* sekiranya kebijakan dan kuasa saintifik diarahkan kepada maslahat ummah dan bukan dominasi sepihak.

Perbincangan

Bahagian ini membincangkan bagaimana siri anime *Dr. Stone* dapat dibaca sebagai sebuah naratif falsafah yang merentas empat domain utama: epistemologi sains, kemanusiaan dan pembinaan tamadun, etika nilai dan politik kuasa. Melalui sintesis keempat-empat dimensi ini, kajian ini menegaskan bahawa anime tersebut bukan sekadar fiksyen saintifik, tetapi sebuah teks pemikiran yang memperlihatkan bagaimana tamadun manusia dapat difahami melalui lensa Islam khususnya *maqāṣid al-sharī'ah*, epistemologi Islam, nilai moral dan teori politik Islam.

i. Integrasi Sains Etika dan Tanggungjawab Moral

Analisis bahagian falsafah ilmu memperlihatkan bahawa usaha Senku membangunkan semula tamadun melalui sains selari dengan epistemologi Islam yang menekankan hubungan antara akal (*'aql*), eksperimen dan kepastian pengetahuan (*yaqīn*). Maka tindakan Senku bukan sahaja dapat ditafsir sebagai pencarian kebenaran saintifik, tetapi boleh dikaitkan dengan simbol amanah dan *niyyah* yang ditekankan dalam kerangka etika Islam. Dalam konteks ini, sains tidak berdiri sebagai entiti neutral, sebaliknya ia berpotensi membina atau merosakkan. Perbincangan tentang *maqāṣid* menunjukkan bahawa pengetahuan yang benar adalah pengetahuan yang menyumbang kepada *maṣlahah* (kebaikan umum) dan mengelakkan *mafsadah* (kerosakan). Konflik antara Senku dan Tsukasa ialah gambaran dramatik tentang bagaimana sains boleh menjadi alat pembebasan atau alat dominasi iaitu bergantung kepada nilai moral yang mengarahkannya.

ii. Tamadun sebagai Proses Sosial-Moral, Bukan Teknologi Semata

Bahagian yang membincangkan kemanusiaan dan tamadun menunjukkan bahawa *Dr. Stone* mengkritik gagasan bahawa tamadun terhasil hanya melalui kemajuan teknologi. Seperti yang ditegaskan oleh Ibn Khaldūn dalam teori *'asabiyyah*, tamadun memerlukan

⁴¹ Abu al-Hasan 'Ali Al-Mawardi, *Al-Ahkam as-Sultaniyyah: The Laws of Islamic Governance* (United Kingdom: Ta-Ha Publisher, t.t.).

⁴² Raja Ali al-Haji. *Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Bahasa dan Pustaka, 2024.

solidariti sosial, kerjasama dan nilai kolektif. Walaupun sains ialah pemangkin dalam naratif ini, Senku tidak dapat membina tamadun tanpa kewujudan komuniti yang mempercayai dan bekerja bersama beliau. Naratif anime itu, apabila dibaca bersama kerangka *maqāṣid al-sharī'ah*, menegaskan bahawa kebangkitan tamadun memerlukan keseimbangan antara material (teknologi, infrastruktur) dan moral-spiritual (nilai, kepercayaan, tanggungjawab sosial). Oleh itu, bangkitnya tamadun saintifik Senku adalah demonstrasi bahawa teknologi hanya akan berkesan apabila adanya asas nilai dan hubungan sosial yang kukuh.

iii. Konflik Moral: Kewajipan, Manfaat dan Keadilan

Analisis falsafah nilai menunjukkan bahawa Senku beroperasi dengan gabungan etika deontologi (kewajipan saintifik) dan utilitarianisme (manfaat maksimum). Namun, apabila diletakkan dalam konteks Islam, pendekatan ini menjadi lebih bernuansa. Islam juga menekankan kewajipan menuntut dan menyebarkan ilmu, namun ia tidak membenarkan manfaat maksimum dicapai melalui tindakan yang membatasi martabat insan. Konflik antara Senku dan Tsukasa menjadi refleksi terhadap dialog moral yang lebih besar iaitu mengenai persoalan adakah sesuatu tindakan moral hanya dinilai berdasarkan akibatnya, atau berdasarkan kewajibannya? Melalui *maqāṣid*, pendekatan Islam menyediakan rangka nilai yang menggabungkan antara kewajipan (kebaikan intrinsik) dan manfaat (kebaikan hasil). Maka, walaupun Tsukasa menjustifikasi tindakannya atas dasar manfaat “dunia baru yang bersih”, ia tidak sejajar dengan *maqāṣid* kerana mengabaikan nilai *hifz al-nafs* dan *karāmah insān*.

iv. Politik Sains: Kuasa, *Shūrā* dan Legitimasi

Analisis politik menunjukkan bahawa *Dr. Stone* ialah medan pergelutan kuasa berbasis ideologi sama ada tamadun perlu dibina oleh pihak yang memiliki ilmu atau pihak yang memiliki kekuatan. Senku mewakili meritokrasi saintifik manakala Tsukasa mewakili kekuasaan fizikal dan idealisme selektif. Perspektif Islam menambah dimensi penting: kuasa mesti berlandas *shūrā*, keadilan dan *maqāṣid* syariah. Kuasa saintifik sahaja tidak menjamin legitimasi, tetapi kuasa yang digunakan untuk memelihara *nafs*, *'aql*, dan *maslahah* masyarakat adalah lebih dekat dengan visi pemerintahan Islam. Naratif *Dr. Stone* menunjukkan bahawa kepimpinan saintifik Senku menjadi sah bukan semata-mata kerana kemahirannya, tetapi kerana komitmennya kepada kesejahteraan manusia sejagat.

v. *Dr. Stone* sebagai Teks Falsafah Humanistik-Ilmiah Islami

Jika disintesis, keempat-empat analisis sebelumnya menunjukkan bahawa *Dr. Stone* ialah sebuah kisah humanisme sains yang sangat selari dengan beberapa prinsip Islam iaitu:

- Sains sebagai amanah moral, bukan sekadar alat kuasa;
- Tamadun sebagai gabungan nilai sosial, etika dan teknologi;

- Manusia sebagai makhluk bermartabat yang perlu dipelihara;
- Kuasa politik sebagai proses bermusyawarah dan berorientasi keadilan;
- Manfaat sosial sebagai tujuan utama pembangunan.

Dengan “membaca” anime ini melalui perspektif Islam, dapat dilihat bahawa naratif tersebut memperkuat mesej bahawa tamadun hanya boleh dibina apabila sains, nilai dan kuasa politik diorientasikan kepada kebaikan manusia secara holistik. Ini selaras dengan ideal tamadun ihsan dalam Islam iaitu tamadun yang membangunkan kemampuan manusia tanpa mengorbankan moral, spiritual dan keadilan sosial.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa *Dr. Stone* berfungsi sebagai sebuah naratif yang kaya dengan wacana falsafah merentas epistemologi, etika, kemanusiaan dan politik. Dengan menganalisis empat dimensi utama iaitu falsafah ilmu-sains, pembinaan tamadun, falsafah nilai dan falsafah politik, artikel ini mendapati bahawa anime tersebut memberikan gambaran dramatik tentang bagaimana manusia menguruskan pengetahuan, membentuk struktur moral dan mengatur kuasa dalam usaha membangunkan kembali tamadun.

Daripada perspektif epistemologi, usaha Senku menegakkan kebenaran melalui eksperimen sejajar dengan tradisi sains empirikal dan pada masa yang sama selari dengan epistemologi Islam yang menghubungkan ilmu dengan nilai moral. Namun, analisis terhadap pembinaan tamadun menunjukkan bahawa walaupun teknologi merupakan pemangkin penting, faktor sosial dan moral tetap menjadi teras kepada kelangsungan masyarakat. Dalam dimensi nilai, konflik etika antara Senku dan Tsukasa memperlihatkan pertentangan antara kewajipan intrinsik dan manfaat utilitarian, yang mana menurut perspektif pemikiran Islam menuntut keseimbangan antara kedua-duanya demi menjaga martabat insan. Dalam aspek politik, *Dr. Stone* menggambarkan dinamika kuasa dan legitimasi yang bergantung kepada keseimbangan kekuatan dan dialog, seiring dengan prinsip *shūrā* dan keadilan dalam pemikiran politik Islam.

Namun, walaupun naratif anime ini menyentuh pelbagai aspek penting dalam kerangka pembinaan tamadun seperti sains, nilai moral, hubungan sosial dan struktur politik, terdapat dua aspek paling mendasar dalam tradisi tamadun Islam yang tidak hadir dalam *Dr. Stone*, iaitu aspek *Tawhīd* dan *Sharī‘ah*. Dalam pemikiran Islam, *Tawhīd* bukan sahaja asas akidah, tetapi asas kosmologi, epistemologi, etika dan politik. Tauhid menetapkan bahawa segala usaha manusia dalam membina tamadun perlu berakar pada kesedaran tentang Tuhan sebagai sumber kebenaran, tujuan moral, dan arah penciptaan. *Sharī‘ah* pula berperanan langsung sebagai panduan moral manusia.

Tanpa *Tawhīd* dan *Sharī‘ah*, pembangunan tamadun cenderung berpusat pada manusia (*anthropocentric*) dan kemajuan material semata-mata, sebagaimana yang digambarkan dalam *Dr. Stone*. Hal ini menjadikan tamadun berisiko untuk terjatuh ke dalam relativisme nilai, pertentangan ideologi atau penyalahgunaan kuasa. Dalam kerangka Islam, *Tawhīd* berfungsi sebagai prinsip penyatuan yang menghubungkan antara ilmu, nilai dan kuasa; mengelakkan pemecahan antara sains dan moral; dan

memastikan kemajuan material dipandu oleh tujuan spiritual dan tanggungjawab kepada Pencipta. Tanpa landasan *Tawhīd* dan *Sharī'ah*, tamadun akan kehilangan sumber legitimasi moral yang tetap dan objektif.

Analisis ini menegaskan bahawa *Dr. Stone* menyediakan model tamadun saintifik-humanistik yang memberikan wacana penting tentang hubungan antara sains, masyarakat dan kuasa. Namun, apabila ditimbang melalui perspektif Islam, ia jelas masih belum lengkap kerana mengabaikan prinsip *Tawhīd* dan *Sharī'ah* sebagai teras pembinaan tamadun yang holistik. Dengan itu, anime ini menjadi medan refleksi bahawa tamadun teknologikal yang maju hanya mencapai kesempurnaan apabila didukung oleh dasar *Tawhīd*, yang mengharmonikan antara ilmu, moral, sosial dan tujuan tertinggi manusia.

Keseluruhannya, kajian ini memberikan satu contoh dan kerangka metodologi yang boleh dijadikan panduan oleh penyelidik lain untuk menganalisis anime atau media popular melalui perspektif pemikiran Islam. Dengan memadukan analisis kandungan tematik dan wacana konseptual bersama sumber tradisi intelektual Islam seperti *maqāṣid al-sharī'ah*, epistemologi, konsep *'asabiyyah* dan prinsip *shūrā*, kajian ini menunjukkan bahawa media moden boleh dibaca sebagai teks falsafah yang kaya. Ini sekaligus membuka ruang kepada perkembangan disiplin baru dalam kajian budaya iaitu analisis pelbagai karya animasi dalam kerangka pemikiran Islam.

Rujukan

- Abdelaziz Berghout and Ouahiba Soudi. "Concept of Civilisation and Sustainable Development: A Maqasidic Orientation." *IIUM Journal of Religion and Civilisational Studies* 2, no. 2 (2019): 88-112.
- Abu al-Hasan 'Ali Al-Mawardi. *Al-Ahkam as-Sultaniyyah: The Laws of Islamic Governance*. United Kingdom: Ta-Ha Publisher, t.t.
- Ahmad al-Raysuni. *Al-Shura: The Qur'anic Principle of Consultation*. London: The International Institute of Islamic Thought, 2011.
- Aly Abdel Moniem. "The Ontology and Epistemology of Maqāṣidī-based Knowledge and Its Educational Implications: A Methodological Perspective." *Journal of Contemporary Maqasid Studies* 1, no. 1 (2022): 59-78.
- Brett Hack. "Anime as Social Imagination: Media Infrastructure and Enactive Cognition in "Code Geass" and "Penguindrum"." *Cinema: Journal of Philosophy and the Moving Image* 16, no. 1 (2024): 141-164.
- Deborah L. Black. "Knowledge ('Ilm) and Certitude (Yaqīn) In Al-Fārābī's Epistemology." *Arabic Sciences and Philosophy* 16, no. 1 (2006): 11-45.
- Fabian Schäfer and Martin Roth. "Otaku, Subjectivity and Databases: Hiroki Azuma's Otaku: Japan's Database Animals." *Digital Culture & Education* 4, no. 2 (2012): 208-211.

- Farrah Wahida Mustafar. "Keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka Menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun." *Jurnal Tuah* 1, no. 1 (2020): 1-23.
- Hafizuddin Sham Shul Bahri dan Razali Musa. "The Concept of Asabiyah According to Ibn Khaldun: Konsep Asabiyah menurut Ibnu Khaldun." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23, no. 1 (2022): 145-156.
- Hiroki Azuma. "Database Animals." In Mizuko Ito, Daisuke Okabe, Izumi Tsuji, *Fandom Unbound: Otaku Culture in a Connected World*. New Haven: Yale University, 2012.
- Hiroki Azuma. *Otaku: Japan's Database Animals*. Minneapolis: University of Minnesota Press, 2009.
- Jamilu Sa'idu Sabo and Shahir Akram Hassan. "Islamic Research Methodology in Selected Islamic Faculties in Nigeria: Kaedah Penyelidikan Islam di Fakulti Islam Terpilih di Nigeria." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 26, no. 1 (2025): 152-168.
- Kaz Hayashi and William Anderson. *Anime, Philosophy and religion*. Delaware: Vernon Press, 2023.
- Lanchukorn Sriwimon and Pattamawan Jimarkon Zilli. "Applying Critical Discourse Analysis as a Conceptual Framework for Investigating Gender Stereotypes in Political Media Discourse." *Kasetsart Journal of Social Sciences* 38, no. 2 (2017): 136-142.
- López-Farjeat, Luis Xavier. "Al-Farabi's Psychology and Epistemology", *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Summer 2024 Edition), Edward N. Zalta & Uri Nodelman (eds.).
- M. Abdul Aziz. "The Principles of Islamic Polity in the Qur'an and Sunnah: Revisiting Modern Political Discourse." *Al-Burhān: Journal of Qur'ān and Sunnah Studies* 7, no. 1 (2023): 5-28.
- Marc Yamada. "The Database Imagination of Japanese Postmodern Culture." *Japanese Studies* 33, no. 1 (2013): 19-37.
- Maryam Habibah Kamis, Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli. "Perbandingan Konsep Ketepatan dalam Perbahasan Epistemologi Muslim Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah: Comparison of the Concept of Correspondence in the Epistemological Discourse in Liberal Muslims and Ahli Sunnah Wal Jamaah." *Jurnal Usuluddin* 52, no. 2 (2024): 63-94.
- Matthew John Paul Tan. "Being Someplace Else: The Theological Virtues in The Anime of Makoto Shinkai." *Religions* 11, no. 3 (2020): 109.
- Mohamad Aniq Aiman Alias, Mohd Rushdan Mohd Jailani, Wan Abdul Fattah Wan Ismail and Ahmad Syukran Baharuddin. "The Integration of Five Main Goals of Shariah in The Production of Science and Technology for Human Well-Being." *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research* 5, no. 1 (2024): 1-16.

- Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohamed Azmil Mohd Yusof and Siti Mariam Ali. "Wellbeing of The Society: A Maqasid al-Shari'ah Approach." *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* (special issue) (2020): 25-46.
- Mohammad Hashim Kamali. "Maqasid Al-Shari'ah and Ijtihad as Instruments of Civilisational Renewal: A Methodological Perspective." *ICR Journal* 2, no. 2 (2011): 245-271.
- Mohammad Hashim Kamali. *Goals and Purposes of Shariah: Maqasid in Theory and Practice*. New York: Oxford University Press, 2025.
- Mohammed Ahmed Mohammed Jummah. "Principle of Shura in Islamic Political Jurisprudence." *Journal of the Academic Forum* 8, no.2 (2024): 1099-1139.
- Mohd Radhi Ibrahim. "Memahami Sains Islam Melalui Pembentukan Kerangka Ilmu dalam Epistemologi Islam: Understanding Islamic Science through the Framework of Knowledge in Islamic Epistemology." *'Abqari Journal* 20, no. 2 (2019): 99-115.
- Muaz Muhammad Arif, Hossam El-Din Ibrahim Mohamed dan Mohammad Naqib Hamdan. "Prinsip Maqasid Syariah Dalam Politik Islam." *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-8 (PASAK8 2023)* (2023) 10 -11 Mei 2023 (e-ISSN: 2811-4051): 306-321.
- Muhamad Sayuti Mansor, "Peranan Pemerintah Islam dalam Sistem Negara Moden untuk Menerapkan Nilai Moral Islam: Daripada Penguat Kuasa ke Pemudah Cara: The Role of Islamic Government in the Modern State System to Implement Islamic Moral Values: From Enforcer to Facilitator." *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 17, no. 1 (2024): 115-147.
- Muhammad Faiz. "Maqāṣid al-Qur'ān and Human Development: Reflections on Qur'ānic Objectives and Prophetic Practices." *MAQOLAT: Journal of Islamic Studies* 3, no. 4 (2025): 446-464.
- Muhammad Nazir Alias, Muhammad Najib Abdullah, Mohd Sham Kamis and Akhmad Jazuli Afandi Nursyahidah. "Scientific Approach as the Basis for the Formation of Maqasid al-Shari'ah Concept and Principles: A Comparative Study." *Malaysian Journal of Syariah and Law* 12 (2024): 350-363.
- Muhammad Waqas. "Exploring The Ethical Framework of Science: A Critical Study from The Islamic Perspective." *Pakistan Journal of Islamic Philosophy* 7, no. 1 (2025): 18-31.
- Mujaddid Abdullah. "Maqasid Sharia and Social Development: An Inquiry into Jamaluddin Athiyah's Renewal Paradigm." *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies* 12, no. 2 (2025): 67-78.
- Muji Mulia. "Teori 'Asabiyyah Ibn Khaldun dalam Perspektif Hukum Islam: Theory of Asabiyyah Ibn Khaldun in Islamic Law Perspective)." *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam* 3, no. 2 (2019): 400-416.

- Osman Bakar. *Islamic Civilisation and The Modern World Thematic Essays*. Brunei: Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2014.
- Raja Ali al-Haji. *Tuhfat al-Naftis*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Bahasa dan Pustaka, 2024.
- Shaikh Mohd Saifuddeen, Chang Lee Wei, Abdul Halim Ibrahim and Nor Aina Mhd Khotib. "Islamic Ethical Framework to Tackle Scientific and Technological Dilemmas." *Journal of Dharma* 38, no. 4 (2013): 373-386.
- Thomas Lamarre. *The Anime Machine: A Media Theory of Animation*. Minneapolis: University of Minnesota Press, 2009.
- Virginia Braun and Victoria Clarke. "Using Thematic Analysis in Psychology." *Qualitative Research in Psychology* 3, no. 2 (2006): 77-101.